

R GB 15-04 00173BC665

Bah

MALAYSIA SEDIA BHRBINCANG DENGAN TAIWAN MENGENAI PROJEK BESIWAJA  
'Mahathir - Chinasteel

MELAKA, 15 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan bersedia berunding dengan kerajaan Taiwan berhubung penangguhan pelaksanaan projek besiwaja Chinasteel, milik negara itu, di Malaysia.

Walaupun kerajaan kecewa dengan keputusan kerajaan Taiwan kerana menangguhkan projek itu, Malaysia tidak membantah atau mempersoalkan keputusan itu kerana ia adalah hak negara berkenaan, kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian pada sesi soal jawab dengan beberapa anggota rombongan syarikat Ornasteel Enterprise Corporation dari Taiwan, termasuk dua anggota Parlimen Taiwan, di sini.

Mereka berada di Melaka untuk menghadiri upacara pecahtanah projek besiwaja Ornasteel Taiwan, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata: +Lebih dua tahun saya memberi sokongan untuk menjayakan projek itu di negara ini. Kita terima pelaburan Chinasteel dan saya merasa kecewa apabila parlimen Taiwan menangguhkannya. Tetapi kita tidak mempersoal atau membantah sebaliknya kita bersedia menerimanya bila-bilamasa sahaja dan sanggup memberi penjelasan jika dikehendaki.+ --  
Lagi

▼15/04/21-29MST

R GB 15-0400163BC666

Bah

Mahathir - Chinasteel 2 Melaka

Perdana Menteri berkata, jika kerajaan Taiwan inginkan sebarang penjelasan berhubung perkara itu, kerajaan Malaysia sanggup menjelaskannya menerusi rundingan agar perkara itu dapat diselesaikan.

Dalam sesi soal jawab itu, rombongan Taiwan itu mencadangkan agar Dr Mahathir mengadakan lawatan ke Taiwan berhubung perkara itu dan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk berbincang dan menyelesaikan perkara itu.

Dr Mahathir berkata, sebuah jawatankuasa peringkat tinggi telah ditubuhkan untuk menjayakan projek itu serta menyelesaikan sebarang masalah ~~berbangkit~~.

Anggota Parlimen Taiwan, Puan Wu Der Mei berkata projek itu ditangguhkan buat sementara demi untuk menjaga kepentingan pekerja Taiwan. Ia ditangguhkan kerana kemusykilan untuk mendapatkan visa, permit kerja dan insentif untuk pekerja.

Bercakap menerusi seorang jurubahasa, Wu berkata beliau adalah salah seorang daripada anggota parlimen yang merangka syarat-syarat projek itu sebelum keputusan untuk melaksanakannya di Malaysia dibuat.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menghormati perasaan pihak Taiwan yang bertindak demi untuk menjaga kepentingan pekerjaanya. -- Lagi

▼15/04/21-30MST

Menurutnya, pengeluaran visa kepada pelawat dan pelancong asing termasuk dari Taiwan kini dikeluarkan dengan mudah dan boleh diperolehi dalam masa singkat, titlak seperti dulu.

Mengenai penyediaan tenaga kerja, penubuhan bank dan dasar kerajaan mengenai kemasukan pelabur asing yang dibangkitkan oleh rombongan itu, Dr Mahathir berkata Malaysia terbuka kepada semua pelabur asing dan kebanyakan negara mempunyai perjanjian jaminan pelaburan.

Katanya, Malaysia sanggup membuat perancangan dengan Taiwan bagi membolehkan pelabur Taiwan dan Malaysia menghasilkan perjanjian jaminan pelaburan.

Katanya, hanya sebuah cawangan bank daripada sesebuah negara dibenar ditubuhkan di Malaysia dan kerajaan Malaysia tidak mengalakkan rakyatnya bekerja di negaraasing kerana Malaysia juga menghadapi kekurangan tenaga kerja.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan tidak boleh menghalang jika mereka memilih untuk bekerja di luar negara dan kerajaan Malaysia juga tidak boleh meminta negaraasing supaya memberi keistimewaan kepada rakyat negara ini yang bekerja di luar kerana itu adalah hak negara berkenaan. -- Bernama